

**PENGAWALSELIAAN KANDUNGAN MEMUDARATKAN DALAM TALIAN DI
MALAYSIA: SUATU ANALISIS DOKTRINAL TERHADAP AKTA KESELAMATAN
DALAM TALIAN 2025 DAN HAK KEBEBASAN BERSUARA**

*REGULATING HARMFUL ONLINE CONTENT IN MALAYSIA: A DOCTRINAL ANALYSIS OF THE
ONLINE SAFETY ACT 2025 AND THE RIGHT TO FREEDOM OF EXPRESSION*

ⁱThiyagu Ganesan, ⁱⁱ*Ramalinggam Rajamanickam, & ⁱMohamad Rizal Abd Rahman

ⁱFaculty of Law, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ⁱⁱFaculty of Law, Multimedia University, Jalan Ayer Keroh Lama, 75450 Bukit Berkat, Melaka, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: ramalinggam1983@gmail.com

Article history:

Submission date: 8 May 2025

Received in revised form: 31 October 2025

Acceptance date: 10 June 2026

Available online: 11 August 2026

Keywords:

Online safety, freedom of expression, AKDT 2025, content regulation, human rights, keselamatan dalam talian, kebebasan bersuara, AKDT 2025, pengawalseliaan kandungan, hak asasi manusia

Funding:

This research received no specific grant from any funding agency in the public, commercial, or not-for-profit sectors.

Competing interest:

The author(s) have declared that no competing interests exist.

Cite as:

Ganesan, T., Rajamanickam, R., & Abd Rahman, M. R. (2026). Pengawalseliaan kandungan memudaratkan dalam talian di Malaysia: Suatu analisis doktrinal terhadap Akta Keselamatan Dalam Talian 2025 dan hak kebebasan bersuara: Regulating harmful online content in Malaysia: A doctrinal analysis of the Online Safety Act 2025 and the right to freedom of expression. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 14(2), 467-486. <https://doi.org/10.33102/mjssl.vol14no2.1812>

Ethics approvals:

This study did not require ethics approval as it is non-interventional qualitative research based solely on document analysis with no human participants or identifiable personal data involved.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact penerbit@usim.edu.my.

ABSTRACT

The enactment of the Online Safety Act 2025 (Act 866) (AKDT 2025) marks an important development in Malaysia's efforts to strengthen online safety through the regulation of harmful content and the imposition of specific obligations on online service providers. Although AKDT 2025 aims to protect users from threats such as cyber fraud, child sexual exploitation and cyberbullying, several concepts and provisions within the Act raise substantive concerns regarding the protection of the right to freedom of expression guaranteed under Article 10 of the Federal Constitution. This article analyses AKDT 2025 from a human rights perspective by assessing the extent to which its provisions satisfy the three-part test under international human rights law and the principle of proportionality as developed, albeit unevenly, in Malaysian judicial jurisprudence. Through a doctrinal legal analysis, this article demonstrates that, although AKDT 2025 reflects a policy shift towards a preventive approach to regulating online content, its allocation of regulatory powers and its accountability mechanisms continue to raise concerns regarding the adequacy of checks and balances, the interpretative clarity of the term "harmful content", and the tendency to favour content moderation over content curation. These concerns may have significant implications for the right to freedom of expression. This article therefore concludes that AKDT 2025 could be further improved to ensure greater consistency with the principles of proportionality, the rule of law and the requirements of a constitutional democracy.

ABSTRAK

Kewujudan Akta Keselamatan Dalam Talian 2025 (Akta 866) (AKDT 2025) menandakan suatu perkembangan penting dalam usaha Malaysia untuk memperkukuh keselamatan dalam talian melalui pengawalseliaan kandungan memudaratkan dan penetapan kewajipan khusus kepada pemberi perkhidmatan dalam talian. Walaupun AKDT 2025 bertujuan untuk melindungi pengguna daripada ancaman, seperti penipuan siber, eksploitasi seksual kanak-kanak dan buli siber, beberapa konsep dan peruntukan dalam Akta tersebut menimbulkan kebimbangan substantif berkaitan dengan perlindungan hak kebebasan bersuara yang dijamin dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Artikel ini menganalisis AKDT 2025 dari perspektif hak asasi manusia dengan menilai sejauh mana peruntukannya memenuhi ujian tiga peringkat di bawah undang-undang hak asasi manusia antarabangsa serta prinsip perkadaran sebagaimana diterima secara tidak seragam dalam jurisprudens mahkamah Malaysia. Melalui pendekatan analisis doktrinal undang-undang, artikel ini menunjukkan bahawa walaupun AKDT 2025 mencerminkan peralihan dasar ke arah pendekatan pencegahan dalam pengawalseliaan kandungan dalam talian, pengagihan kuasa kawal selia dan mekanisme akauntabiliti yang diperuntukkan masih menimbulkan kebimbangan mengenai kecukupan semak dan imbang, kejelasan tafsiran istilah “kandungan memudaratkan”, serta kecenderungan untuk mengutamakan pendekatan penapisan kandungan (*content moderation*) berbanding dengan reka bentuk kandungan (*content curation*). Kebimbangan ini boleh memberikan implikasi yang signifikan terhadap hak kebebasan bersuara. Artikel ini seterusnya menyimpulkan bahawa AKDT 2025 masih boleh ditambah baik bagi memastikan keselarasannya yang lebih kukuh dengan prinsip perkadaran, kedaulatan undang-undang dan tuntutan sistem demokrasi berperlembagaan.

Pengenalan

Dalam era digital yang berkembang pesat, isu keselamatan dalam talian dan hak kebebasan bersuara menjadi dua isu yang sering menimbulkan ketegangan antara satu sama lain (Tuan Ibrahim *et al.*, 2026). Negara-negara demokrasi di seluruh dunia kini berhadapan dengan dilema besar dalam mengimbangi hak kebebasan bersuara dengan keperluan untuk melindungi pengguna dalam talian daripada kandungan yang berunsur merosakkan, menyinggung atau memudaratkan (United Nations Human Rights Council, 2015; United Nations General Assembly, 1966). Malaysia juga tidak terkecuali, terutamanya berikutan pengenalan Akta Keselamatan Dalam Talian 2025 (Akta 866) (AKDT 2025) yang bertujuan untuk memperkukuh keselamatan dalam talian melalui pengawalseliaan kandungan memudaratkan serta pengenalan kewajipan terhadap pemberi perkhidmatan aplikasi, kandungan dan rangkaian (Dewan Negara, 2024). Walaupun terdapat pelbagai kajian tentang kebebasan bersuara dan pengawalseliaan kandungan dalam talian, masih terdapat kekurangan analisis yang meneliti secara khusus implikasi AKDT 2025 terhadap prinsip kesahan undang-undang dan perkadaran dalam konteks Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Jurang tersebut khususnya meliputi ketidakjelasan tafsiran istilah “kandungan memudaratkan”, kecenderungan pendekatan pengawalseliaan yang tertumpu pada penyingkiran kandungan, keluasan kuasa penguatkuasaan yang diberikan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan risiko sekatan yang tidak berkadar terhadap kebebasan bersuara.

Bertitik tolak daripada jurang tersebut, artikel ini meneliti ketegangan antara perlindungan hak kebebasan bersuara dengan usaha mengawal selia keselamatan dalam talian di Malaysia dalam kerangka perundangan semasa, dengan memberikan penekanan khusus kepada AKDT 2025 dan pindaan berkaitan yang dibuat pada tahun 2025 terhadap Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) (AKM 1998). Kupasan dimulakan dengan huraian tentang kerangka perlembagaan dan prinsip hak asasi manusia antarabangsa yang mengawal pengenalan sekatan terhadap kebebasan bersuara. Perbincangan ini diikuti dengan analisis tentang evolusi pendekatan badan kehakiman daripada pendekatan yang memberikan ruang budi bicara yang luas kepada badan perundangan dan eksekutif kepada penerimaan prinsip perkadaran yang tidak seragam. Seterusnya, artikel ini mengkaji secara doktrinal tafsiran istilah “kandungan memudaratkan”, pendekatan penapisan kandungan (*content moderation*), pendekatan penyusunan atau reka bentuk kandungan (*content curation*), serta peluasan kuasa penguatkuasaan MCMC. Aspek-aspek tersebut dianalisis bagi menilai implikasinya terhadap prinsip kesahan undang-undang dan mekanisme semak dan imbang kehakiman terhadap kebebasan bersuara yang sah, berasaskan analisis literatur akademik, dokumen dasar dan laporan pertubuhan masyarakat sivil.

Sehubungan dengan itu, artikel ini mengemukakan tiga persoalan utama. Pertama, sejauh manakah AKDT 2025 membentuk semula kerangka pengawalseliaan kandungan dalam talian di Malaysia? Kedua, sejauh manakah pendekatan yang diperkenalkan memenuhi prinsip kesahan undang-undang dan perkadaran di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan? Ketiga, sejauh manakah peluasan kuasa penguatkuasaan di bawah AKDT 2025 disertai dengan mekanisme semak dan imbang yang mencukupi?

Artikel ini menghujahkan bahawa, walaupun AKDT 2025 memperkukuh kerangka keselamatan dalam talian, ketidakjelasan tafsiran istilah “kandungan memudaratkan”, kecenderungan pengawalseliaan yang tertumpu pada penyingkiran kandungan serta pemusatan kuasa penguatkuasaan pada satu badan pengawal selia berpotensi untuk menjejaskan prinsip kesahan undang-undang dan membuka ruang kepada sekatan yang tidak berkadar terhadap kebebasan bersuara.

Bagi menilai hujah tersebut, artikel ini menggunakan pendekatan analisis doktrinal dengan meneliti peruntukan perundangan utama, termasuk AKDT 2025 dan AKM 1998 serta keputusan kehakiman yang berkaitan dengan kebebasan bersuara di Malaysia. Analisis ini turut disokong oleh rujukan kepada prinsip hak asasi manusia antarabangsa dan analisis perbandingan secara terhad bagi menilai keselarasan kerangka perundangan Malaysia dengan piawaian antarabangsa.

Hak Kebebasan Bersuara dan Keselamatan dalam Talian

Dalam konteks tempatan, asas utama perlindungan hak kebebasan bersuara terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan. Hak kebebasan bersuara dijamin di bawah Perenggan (a), Fasal (1), Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang memperuntukkan bahawa:

(1) Tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4)—

(a) tiap-tiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara.

Namun demikian, hak ini tertakluk kepada sekatan yang diperuntukkan dalam Perenggan (a), Fasal (2) Perkara 10, yang membolehkan Parlimen mengenakan sekatan demi keselamatan negara, ketenteraman awam, moral dan hubungan antarabangsa dengan sebutan seperti yang berikut:

... yang didapati perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, hubungan baik dengan negara-negara lain, ketenteraman awam atau moraliti dan sekatan-sekatan yang bertujuan untuk melindungi keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Undangan atau untuk membuat peruntukan menentang penghinaan mahkamah, fitnah, atau pengapian apa-apa kesalahan.

Walaupun Perenggan (a), Fasal (2) Perkara 10 memberikan kuasa kepada Parlimen untuk mengenakan sekatan, beberapa keputusan kehakiman, khususnya *Sivarasa Rasiah* dan *Alma Nudo Atenza*, telah membaca prinsip kemunasabahan dan perkadaran bersama-sama dengan Perkara 8(1). Namun, pemakaian pendekatan tersebut tidak seragam. Dalam *The Government of Malaysia lwn Heidy Quah Gaik Li*, Mahkamah Persekutuan menegaskan batas kajian semula di bawah Perkara 4(2) dan menggunakan tafsiran mengecil dan unsur niat, bukannya menerapkan ujian perkadaran dalam bentuk yang sama seperti *Sivarasa Rasiah* atau *Alma Nudo Atenza*. Oleh itu, kedudukan semasa lebih tepat difahami sebagai kawalan kehakiman yang pendekatan dan intensitinya berbeza-beza mengikut autoriti dan konteks.

Selain itu, kebebasan bersuara merupakan salah satu hak asasi manusia yang teras dan dijamin dalam pelbagai instrumen antarabangsa, termasuk Perkara 19 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan Perkara 19 Waad Antarabangsa tentang Hak Sivill dan Politik (ICCPR). Namun begitu, hak ini bukanlah suatu hak yang mutlak. Undang-undang boleh mengenakan sekatan untuk mencapai tujuan yang sah, seperti keselamatan negara, ketenteraman awam, moral, dan hak orang lain. Prinsip undang-undang antarabangsa melalui ujian tiga peringkat (*three-part test*) menetapkan bahawa apa-apa sekatan terhadap hak kebebasan bersuara hendaklah: pertama, ditetapkan melalui undang-undang yang jelas dan sah (*legality*), kedua, bertujuan untuk mencapai matlamat yang sah (*legitimate aim*); dan ketiga, memenuhi syarat keperluan dan perkadaran yang ketat (*necessity and proportionality*) dalam sesebuah masyarakat demokratik (Cleveland, 2009; European Court of Human Rights, 2026; United Nations Human Rights Committee, 2011).

Kupasan dalam bahagian ini memfokuskan kerangka perlembagaan Malaysia dengan rujukan kepada piawaian hak asasi manusia antarabangsa tanpa melibatkan analisis perbandingan yang mendalam dengan bidang kuasa lain. Skop tersebut ditetapkan bagi mengekalkan ketelitian dan kedalaman analisis doktrinal. Walaupun Malaysia bukan negara pihak kepada ICCPR, prinsip-prinsip yang terkandung di dalamnya kadangkala dirujuk sebagai sumber tafsiran yang berpengaruh oleh mahkamah dalam menilai keluasan sekatan terhadap hak kebebasan bersuara. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun instrumen antarabangsa tersebut tidak mengikat secara langsung, prinsip yang terkandung di dalamnya masih boleh berperanan sebagai rujukan persuasif dalam memperkukuh tafsiran hak kebebasan bersuara dalam kerangka Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Dalam konteks ini, apa-apa kerangka perundangan baharu seperti AKDT 2025 perlu dinilai berdasarkan standard perlembagaan tersebut bagi memastikan bahawa pengawalseliaan kandungan dalam talian tidak melangkaui batas yang dibenarkan oleh prinsip perkadaran.

Sorotan literatur menunjukkan bahawa wujud ketegangan antara keselamatan dalam talian dengan hak kebebasan bersuara. Dari perspektif Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2023), langkah tegas diperlukan untuk menangani ancaman dalam talian, antara lain, seperti penipuan dalam talian, buli siber, bahan penganiayaan seksual kanak-kanak, ekstremisme dan penyebaran maklumat tidak benar, yang boleh memudaratkan masyarakat. Menteri Komunikasi Malaysia menegaskan keperluan untuk memperkukuh undang-undang bagi membanteras jenayah siber, seperti penipuan dalam talian, penderaan kanak-kanak, bahan penganiayaan kanak-kanak dan seumpamanya demi “keselamatan orang awam” sambil menekankan bahawa kebebasan bersuara tetap dilindungi, tetapi tertakluk kepada sekatan yang dikenakan oleh Parlimen demi keselamatan rakyat (Dewan Rakyat, 2024a).

Pandangan yang serupa dapat dilihat pada peringkat global apabila pelbagai kerajaan memperkenalkan rangka kerja keselamatan dalam talian bagi mengekang ucapan kebencian, buli siber, dan kandungan berunsur ekstremisme. Sebagai contoh, United Kingdom memperkenalkan konsep kewajipan berjaga-jaga (*duty of care*) terhadap platform dalam talian menerusi *Online Safety Act 2023* bagi memastikan syarikat media sosial mengambil langkah yang wajar untuk melindungi pengguna, khususnya golongan bawah umur daripada kandungan yang memudaratkan (Online Safety Act 2023; (Trenrove et al., 2022, pp. 3–4). Begitu juga, Australia menerusi *Online Safety Act 2021* menubuhkan *eSafety Commissioner* sebagai badan bebas yang bertanggungjawab secara proaktif melindungi pengguna, terutamanya kanak-kanak, daripada bahaya dalam talian, dengan kuasa mengarahkan penyingkiran kandungan memudaratkan dalam tempoh masa tertentu dan menyekat laman web yang memudaratkan (Office of the eSafety Commissioner, 2022; Online Safety Act 2021, 2021). Perkembangan ini menunjukkan gabungan kewajipan sistemik dengan kuasa intervensi langsung. Namun, keluasan kuasa pentadbiran tersebut tetap memerlukan sempadan statutori, perlindungan tatacara dan mekanisme semakan yang jelas bagi mengekalkan keseimbangan antara keselamatan dalam talian dengan perlindungan hak kebebasan bersuara.

Sebaliknya, pejuang hak asasi, ahli akademik dan pertubuhan masyarakat sivil memberikan amaran bahawa undang-undang keselamatan dalam talian berpotensi untuk disalahgunakan bagi menyekat wacana yang sah dan menghakis ruang demokratik. Mereka menekankan kepentingan kebebasan bersuara dalam talian sebagai prasyarat kepada demokrasi digital. Internet kini berfungsi sebagai ruang awam moden yang membolehkan pertukaran idea, kritikan terhadap kerajaan, penyertaan politik dan penyebaran maklumat tanpa penapisan yang tidak wajar (Barcentewicz & Lesh, 2022; Butler, 2022; Harbinja & Leiser, 2022; Zeng, 2023). Pelbagai insiden di Malaysia menunjukkan arah aliran sebegini apabila MCMC pernah menyekat laman berita dan blog yang kritikal terhadap kerajaan tanpa justifikasi yang telus (CIVICUS Monitor, 2023; International Federation of Journalists, 2023; MalaysiaNow, 2023; Reporters Without Borders, 2023; Reuters, 2015).

Di samping itu, peruntukan undang-undang seperti Seksyen 233 AKM 1998 telah digunakan untuk menyiasat dan mendakwa individu yang mengkritik pemimpin atau institusi negara atas alasan kandungan tersebut bersifat “menyinggung” atau “menyakitkan hati”. Menurut Laporan SUARAM 2023, penggunaan Seksyen 233 AKM 1998 terus meningkat dalam penyiasatan dan pendakwaan terhadap individu berhubung dengan kandungan dalam talian yang dianggap menyinggung perasaan atau melanggar norma tertentu (AKM 1998, Seksyen 233; Freedom House, 2023; Suara Rakyat Malaysia, 2024).

Perbezaan pandangan ini menunjukkan bahawa sorotan literatur bukan sahaja merekodkan perkembangan dalam wacana akademik, malah memperlihatkan perdebatan berterusan tentang keseimbangan antara keselamatan dalam talian dengan perlindungan kebebasan bersuara dalam kerangka demokrasi digital. Oleh itu, literatur yang dibincangkan menekankan bahawa undang-undang keselamatan dalam talian mestilah dirangka secara seimbang. Undang-undang tersebut hendaklah cukup kukuh untuk menangani ancaman nyata dan tidak boleh membuka ruang kepada penindasan terhadap hak kebebasan bersuara. Sehubungan dengan itu, setiap sekatan terhadap kebebasan bersuara perlu memenuhi tiga syarat utama yang diterima secara sejagat, iaitu ditetapkan melalui undang-undang yang jelas dan boleh dijangka, mempunyai matlamat yang sah serta memenuhi syarat keperluan dan perkadaran dalam kerangka sebuah masyarakat yang demokratik. Ketiga-tiga syarat ini seterusnya menjadi asas untuk menilai kesahan pendekatan pengawalseliaan yang diperkenalkan melalui AKDT 2025.

Daripada Pendekatan *Deferential* kepada Penerimaan Perkadaran yang Tidak Seragam dalam Kajian Semula Kehakiman di Malaysia

Berdasarkan kerangka perlembagaan yang dibincangkan dalam bahagian sebelumnya, perkembangan jurisprudens Malaysia menunjukkan bahawa pendekatan mahkamah terhadap kebebasan bersuara telah mengalami anjakan secara beransur-ansur. Anjakan ini berlaku daripada pendekatan yang lebih bersifat *deferential*, yang memberikan ruang pertimbangan yang luas kepada badan perundangan dan eksekutif, kepada pendekatan yang lebih berteraskan perlindungan hak asasi manusia dan hak perlembagaan.

Pada era pendekatan *deferential*, mahkamah di Malaysia cenderung untuk mentafsirkan bidang kuasanya secara literal apabila berhadapan dengan undang-undang yang mengehadkan hak asasi manusia. Hal ini dapat dilihat dalam kes *Public Prosecutor lwn Ooi Kee Saik & Ors* [1971] 2 MLJ 108, yang melibatkan pertuduhan di bawah Akta Hasutan 1948 (Akta 15). Mahkamah Tinggi ketika itu memutuskan bahawa bagi menentukan kesahan suatu undang-undang yang mengenakan sekatan, adalah memadai sekiranya tujuan undang-undang tersebut termasuk dalam salah satu alasan sekatan yang dibenarkan oleh Perenggan (a), Fasal (2), Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah menegaskan bahawa mahkamah tidak seharusnya mempersoalkan pertimbangan badan perundangan, iaitu Parlimen, dalam menentukan sama ada sekatan tersebut benar-benar perlu, kerana hal itu dianggap terletak dalam ruang lingkup penilaian Parlimen.

Pendekatan *deferential* ini terus mempengaruhi jurisprudens pada dekad-dekad berikutnya sehingga awal 1990-an. Dalam kes *Public Prosecutor lwn Pung Chen Choon* (1994) 1 MLJ 566, Mahkamah Agung menegaskan bahawa bagi menentukan sama ada sesuatu sekatan dianggap selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, undang-undang berkenaan hendaklah berada dalam lingkungan salah satu tujuan sekatan yang dibenarkan di bawah Perenggan (a), Fasal (2), Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Pendekatan *deferential* ini turut dapat dikesan dalam keputusan yang lebih mutakhir, seperti *Public Prosecutor lwn Azmi Sharom* (2015) 6 MLJ 751. Dalam kes ini, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa Parlimen mempunyai kuasa di bawah Perenggan (a), Fasal (2), Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan untuk mengenakan sekatan demi kepentingan keselamatan dan ketenteraman awam, tanpa perlu melaksanakan penilaian substantif yang menyeluruh berdasarkan prinsip perkadaran terhadap peruntukan yang dipersoalkan. Keputusan ini menunjukkan bahawa, walaupun pendekatan berasaskan hak telah berkembang, mahkamah masih memberikan ruang pertimbangan yang luas kepada Parlimen dalam isu hak kebebasan bersuara.

Walau bagaimanapun, pada awal tahun 1990-an, suatu aliran kehakiman yang lebih berorientasikan perlindungan hak mula muncul, seiring dengan perkembangan kesedaran terhadap hak asasi manusia pada peringkat tempatan dan antarabangsa. Titik perubahan awal dapat dilihat dalam kes *Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor lwn Nordin Salleh & Anor* (1992) 1 MLJ 697, yang melibatkan hak berpersatuan di bawah Perenggan (c), Fasal (1), Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Dalam kes ini, Mahkamah Agung menegaskan bahawa penilaian terhadap kesahan tindakan negara tidak boleh tertumpu pada bentuk atau teks peruntukan semata-mata. Sebaliknya, mahkamah hendaklah menilai kesan langsung dan akibat yang tidak dapat dielakkan daripada tindakan tersebut terhadap pelaksanaan hak yang dijamin oleh Perlembagaan. Kes tersebut kemudiannya menjadi salah satu asas kepada pendekatan yang lebih berorientasikan perlindungan hak asasi manusia, apabila mahkamah di Malaysia mula menilai bukan sahaja tujuan sekatan, tetapi juga kesan sebenar sekatan tersebut terhadap hak perlembagaan. Pendekatan

ini berbeza daripada kecenderungan terdahulu yang mengutamakan pertimbangan badan perundangan tanpa penelitian substantif terhadap kesan sesuatu sekatan.

Peralihan kepada pendekatan yang lebih berasaskan hak kemudiannya diperkukuh lagi oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Sivarasa Rasiah lwn Badan Peguam Malaysia* (2010) 2 MLJ 333. Walaupun kes tersebut tidak melibatkan hak kebebasan bersuara secara langsung, sebaliknya berkaitan dengan hak berpersatuan, namun keputusan kes ini membawa implikasi perlembagaan yang luas. Dalam penghakiman yang ditulis oleh Hakim Gopal Sri Ram, Mahkamah Persekutuan menegaskan bahawa walaupun Fasal (2), Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan tidak menyebut secara nyata istilah “munasabah”, unsur kemunasabahan perlu dibaca sebagai had tersirat terhadap kuasa Parlimen. Lebih penting lagi, Mahkamah menerima doktrin perkadaran sebagai sebahagian daripada kerangka undang-undang perlembagaan tempatan.

Hakim Gopal Sri Ram merujuk kepada beberapa autoriti luar negara yang menggariskan bahawa apabila tindakan negara menjejaskan hak asasi, mahkamah mesti menilai sama ada: (i) objektif undang-undang itu cukup penting untuk mewajarkan pembatasan hak; (ii) langkah yang dipilih mempunyai kaitan rasional dengan objektif tersebut; (iii) terdapat atau tidak langkah alternatif yang kurang membataskan hak; dan (iv) kesan terhadap individu adalah seimbang dengan manfaat kepada masyarakat. Prinsip utama yang terbit daripada kes ini adalah bahawa sekatan terhadap hak asasi tidak boleh dinilai semata-mata berdasarkan tujuan badan perundangan, tetapi mesti tertakluk pada penilaian kehakiman yang substantif melalui ujian perkadaran.

Asas pentafsiran yang menyokong perkembangan tersebut sebenarnya telah dinyatakan lebih awal dalam kes *Lee Kwan Woh lwn Public Prosecutor* [2009] 5 MLJ 301. Dalam kes ini, Mahkamah Persekutuan menekankan bahawa Fasal (1) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan, yang menjamin kesamarataan semua orang di sisi undang-undang, mengandungi prinsip kesaksamaan substantif dan melarang undang-undang atau tindakan negara yang bersifat arbitrari. Mahkamah, melalui penghakiman Hakim Gopal Sri Ram, mengingatkan bahawa Perlembagaan tidak boleh ditafsirkan secara literal seperti undang-undang bertulis yang lain. Sebaliknya, Perlembagaan memerlukan pentafsiran yang liberal dan progresif, khususnya berhubung dengan hak-hak asasi manusia. Beliau menyatakan sebagaimana yang berikut:

As for the decision in *Loh Wai Kong* ... the views expressed in *Loh Wai Kong* are worthless as precedent. In the second place, the Constitution is a document sui generis governed by interpretive principles of its own. In the forefront of these is the principle that its provisions should be interpreted generously and liberally. On no account should a literal construction be placed on its language, particularly upon those provisions that guarantee to individuals the protection of fundamental rights. In our view, it is the duty of a court to adopt a prismatic approach when interpreting the fundamental rights guaranteed under Part II of the Constitution.

([2009] 5 MLJ 301, p. 313, para. 8)

Seterusnya, dalam kes *Mat Shuhaimi bin Shafiei lwn Kerajaan Malaysia* (2017) 1 MLJ 436, Mahkamah Rayuan mengisytiharkan Subseksyen 3(3) AS 1948 sebagai tidak berperlembagaan. Peruntukan tersebut menyatakan bahawa niat atau *mens rea* tidak relevan dalam menentukan kesalahan hasutan. Mahkamah berpendapat bahawa menyetepikan unsur niat sedemikian bercanggah dengan prinsip keadilan asas serta gagal memenuhi ujian perkadaran. Perkembangan ini memperlihatkan dengan lebih jelas peralihan daripada pendekatan *deferential* kepada pendekatan yang lebih berorientasikan perlindungan hak, apabila mahkamah mula menilai kesan sebenar sekatan terhadap kebebasan bersuara berdasarkan prinsip perkadaran.

Penerimaan doktrin perkadaran dalam jurisprudens Malaysia kemudiannya diperkukuh dalam kes *Alma Nudo Atenza lwn Public Prosecutor* [2019] 4 MLJ 1; [2019] 3 MLRA 1. Walaupun kes ini melibatkan hak kebebasan diri di bawah Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan dalam konteks undang-undang dadah, Mahkamah Persekutuan menggunakan kes tersebut untuk menegaskan prinsip umum tentang pemakaian ujian perkadaran terhadap sekatan hak asasi. Ketua Hakim Negara ketika itu, Tun Richard Malanjum, menegaskan bahawa apa-apa undang-undang yang menyekat hak asasi mesti melepasi ujian perkadaran agar sah dari segi perlembagaan. Dalam hal ini, Mahkamah menyatakan sebagaimana yang berikut:

Article 8(1) imports the principle of substantive proportionality. “Not only must the legislative or executive response to a state of affairs be objectively fair, it must also be proportionate to the object sought to be achieved”.

([2019] 3 MLRA 1, pp. 31–32, para. 118)

Kes ini mengukuhkan kedudukan doktrin perkadaran sebagai suatu piawaian perlembagaan yang perlu dipertimbangkan dalam menilai undang-undang yang menyekat hak asasi.

Perkembangan doktrin tersebut kemudiannya diterapkan secara langsung dalam konteks kebebasan bersuara dalam talian melalui kes *Heidy Quah Gaik Li lwn Kerajaan Malaysia* [2025] 9 CLJ 234. Heidy Quah, seorang aktivis hak asasi manusia, telah didakwa di bawah Subseksyen 233(1)(a) AKM 1998 berhubungan dengan hantaran Facebook tentang keadaan di depot imigresen. Beliau mencabar kesahan istilah “jelic” dan “menyakitkan hati” atas alasan bahawa istilah tersebut bercanggah dengan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

Dalam penghakiman bertarikh 26 Ogos 2025, Mahkamah Rayuan yang dipengerusikan oleh Hakim Lee Swee bersama dengan Hakim Hashim Hamzah dan Hakim Azman Abdullah telah memutuskan secara sebulat suara bahawa penggunaan istilah tersebut dalam frasa “jelic atau menyakitkan hati” adalah tidak berperlembagaan. Mahkamah menegaskan bahawa peruntukan tersebut gagal memenuhi prinsip kesahan undang-undang dan prinsip perkadaran di bawah Perenggan (a), Fasal (2), Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Dalam penghakiman, Mahkamah telah menyatakan bahawa:

We are unanimous in finding the impugned words of “offensive” and “annoy” in s 233 CMA constituting an offence to be inconsistent with art 10(1)(a) and (2)(a) of the FC read with art 8 thereof and hence unconstitutional and void. It is not a permissible restriction on freedom of expression under our FC.

([2025] 9 CLJ 234, para. 128)

Keputusan ini merupakan suatu perkembangan penting dalam jurisprudens kebebasan bersuara di Malaysia kerana Mahkamah Rayuan menilai kesahan sebahagian daripada peruntukan yang membataskan kebebasan bersuara berdasarkan ketidakjelasan istilah dan ketidakpatuhan terhadap prinsip perkadaran. Keputusan tersebut turut menegaskan peranan mahkamah dalam mengawal penggunaan undang-undang yang boleh menjejaskan hak asasi dalam era digital.

Walau bagaimanapun, kedudukan tersebut berubah berikutan keputusan Mahkamah Persekutuan pada 6 Februari 2026 dalam kes *The Government of Malaysia lwn Heidy Quah Gaik Li* [2026] 2 MLJ 397. Mahkamah Persekutuan membenarkan rayuan Kerajaan secara sebahagian dan mengembalikan kesahan istilah “jelic” dan “menyakitkan hati” dalam Perenggan 233(1)(a) AKM 1998. Pada masa yang sama, Mahkamah mengekalkan dapatan bahawa pendakwaan terhadap Heidy Quah tidak mempunyai asas kerana kandungan hantarannya berada dalam lingkungan kebebasan bersuara yang dilindungi oleh Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

Dalam mencapai keputusan tersebut, Mahkamah Persekutuan menerima pendekatan perlembagaan hidup (*living constitutionalism*) dan menolak pentafsiran yang terhad semata-mata kepada makna asal (*originalism*). Namun, Mahkamah mentafsirkan peruntukan yang dipersoalkan secara mengecil (*reading down*) dengan memberikan penekanan kepada unsur *mens rea*, khususnya niat nyata untuk menyakitkan hati pengguna lain atau sekumpulan pengguna. Melalui pendekatan ini, istilah yang dipersoalkan tidak boleh digunakan terhadap komunikasi yang sekadar menimbulkan rasa tidak puas hati atau kemarahan akibat pandangan politik atau perbincangan tentang isu kontroversi. Dalam hal ini, Mahkamah menyatakan seperti yang berikut:

The FC protects genuine expression, not communication which is intended to cause injury or harm. It protects speech as a social good, not as a tool, the dominant purpose of which is for disruption or harm.

([2026] 2 MLJ 397, paras. 128–130)

Walaupun Mahkamah Persekutuan mengekalkan kesahan peruntukan undang-undang yang dipersoalkan dengan membatalkan sebahagian daripada keputusan Mahkamah Rayuan, penelitian Mahkamah Persekutuan tidak terhenti pada kesahan literal teks peruntukan tersebut. Sebaliknya, Mahkamah menilai cara kuasa pendakwaan digunakan berdasarkan fakta kes, khususnya sama ada pertuduhan yang dirangka benar-benar melibatkan komunikasi yang berada di luar lingkungan perlindungan hak kebebasan bersuara.

Penggunaan pendekatan tafsiran secara mengecil (*reading down*), berserta penekanan terhadap unsur niat (*mens rea*), menunjukkan bahawa mahkamah tetap berusaha mengehadkan ruang lingkup pemakaian peruntukan berkenaan. Dalam kes ini, kawalan kehakiman tidak dilaksanakan melalui pembatalan peruntukan, tetapi melalui pentafsiran yang menyempitkan skopnya dan penelitian terhadap pelaksanaan kuasa pendakwaan. Pendekatan tersebut bertujuan untuk memastikan bahawa undang-undang tidak digunakan terhadap ungkapan yang sah atau melangkaui tujuan yang dibenarkan oleh Perlembagaan.

Oleh itu, keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Heidy Quah* tidak boleh disamakan sepenuhnya dengan penerapan doktrin perkadaran dalam kes *Sivarasa Rasiah* atau *Alma Nudo Atenza*. Sebaliknya, keputusan tersebut lebih tepat dilihat sebagai suatu bentuk kawalan kehakiman yang berhati-hati, iaitu dengan mengekalkan kesahan peruntukan sambil membataskan pemakaiannya melalui tafsiran. Pendekatan ini memperlihatkan bahawa kawalan kehakiman terhadap sekatan kebebasan bersuara kekal penting, tetapi penerimaan dan penggunaan prinsip perkadaran dalam jurisprudens Malaysia masih tidak seragam.

Secara keseluruhannya, jurisprudens kebebasan bersuara di Malaysia telah mengalami perubahan yang penting, meskipun perkembangannya tidak berlaku secara lurus atau konsisten. Kecenderungan awal yang memberikan ruang pertimbangan yang luas kepada badan perundangan dan eksekutif secara beransur-ansur digantikan dengan penelitian yang lebih mendalam terhadap perlindungan hak perlembagaan dan keadilan substantif. Dalam sebahagian autoriti, mahkamah tidak tertumpu semata-mata pada teks serta tujuan sesuatu peruntukan, tetapi turut meneliti kesan sebenar peruntukan tersebut dan cara pelaksanaannya terhadap hak yang dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan.

Walau bagaimanapun, ketidakseragaman dalam penggunaan prinsip perkadaran menunjukkan bahawa perkembangan ini masih belum mencapai suatu pendekatan yang benar-benar mantap. Sekiranya diterapkan secara lebih konsisten, prinsip tersebut berpotensi memperkukuh pentafsiran Perlembagaan Malaysia agar lebih selaras dengan piawaian hak asasi manusia yang terkandung dalam ICCPR dan UDHR. Arah perkembangan ini bergantung pada kesediaan mahkamah untuk menilai secara teliti keseimbangan antara kepentingan negara dengan perlindungan kebebasan individu. Tanpa kawalan kehakiman yang konsisten dan penelitian berasaskan perkadaran, perlindungan kebebasan bersuara akan terus bergantung pada pendekatan setiap kes dan kekal terdedah kepada penggunaan kuasa yang melampaui tujuan sah sesuatu sekatan.

Kerangka Perundangan Keselamatan dalam Talian di Malaysia

Sebelum penggubalan AKDT 2025, pengawalseliaan kandungan dan aktiviti dalam talian di Malaysia dilaksanakan terutamanya melalui AKM 1998, di samping beberapa undang-undang lain seperti AS 1948, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Akta 301), Kanun Keseksaan (Akta 574), Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) dan Akta Fitnah 1957 (Akta 286).

Sebelum pindaan yang mula berkuat kuasa pada tahun 2025, AKM 1998, khususnya Seksyen 233, merupakan antara peruntukan utama yang digunakan untuk mengawal keselamatan dalam talian. Peruntukan tersebut melarang penggunaan tidak wajar kemudahan atau perkhidmatan rangkaian dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain, dengan merujuk kepada kategori kandungan seperti “lucah”, “sumbang”, “palsu”, “mengancam” atau “jelic”. Peruntukan ini telah dikritik kerana istilahnya luas dan subjektif. Pemantauan Centre for Independent Journalism Malaysia merekodkan 114 siasatan di bawah Seksyen 233 dari Januari hingga November 2022 yang melibatkan 126 orang, termasuk penggunaan terhadap ekspresi politik dan satira (Centre for Independent Journalism Malaysia, 2022, pp. 4–5). Contohnya, kritikan terhadap institusi diraja, aduan tentang ahli-ahli politik, atau gurauan di media sosial yang dianggap sensitif pernah membawa kepada tindakan penyiasatan atau pendakwaan di bawah peruntukan ini (Suara Rakyat Malaysia, 2020).

Tekanan daripada pelbagai pihak, khususnya pertubuhan masyarakat sivil, telah lama disuarakan agar Seksyen 233 AKM 1998 dimansuhkan atau dipinda secara menyeluruh, memandangkan peruntukan tersebut dilihat menjejaskan hak kebebasan bersuara, terutamanya apabila digunakan terhadap komunikasi yang mengandungi kritikan politik, satira dan ekspresi awam (Hector & MADPET, 2018). Walau bagaimanapun, pindaan melalui Akta Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2025 (Akta A1743) tidak menghapuskan sepenuhnya larangan terhadap kandungan yang bersifat “jelik”. Pindaan tersebut sebaliknya menggantikan istilah “jelik” dengan “jelik melampau”, memperluas bentuk niat yang boleh membentuk kesalahan serta memasukkan huraian bagi memperincikan beberapa kategori kandungan yang tertakluk pada peruntukan tersebut. Pada masa yang sama, penalti bagi kesalahan di bawah seksyen 233 turut ditingkatkan (Akta Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2025 (Akta A1743), Seksyen 91; Dewan Rakyat 2024b). Perubahan ini boleh dianggap sebagai usaha untuk memberikan takrif dan batas yang lebih jelas kepada unsur kesalahan. Namun demikian, penggunaan istilah “jelik melampau” masih menimbulkan persoalan tentang sejauh mana istilah tersebut mempunyai makna yang cukup khusus dan boleh diramalkan dalam pelaksanaannya.

Namun begitu, landskap ancaman keselamatan dalam talian yang kian kompleks, termasuk peningkatan penipuan kewangan dalam talian, kandungan bahan penganiayaan seksual kanak-kanak, ucapan kebencian yang menyentuh sensitiviti kaum dan agama, serta penyebaran maklumat tidak benar, telah mendorong desakan agar suatu kerangka undang-undang baharu digubal untuk menangani risiko tersebut secara lebih menyeluruh (Dewan Negara, 2024). Keperluan ini membawa kepada pengenalan Rang Undang-Undang Keselamatan Dalam Talian 2024 (RUU 2024) yang dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Parlimen Malaysia pada penghujung tahun 2024 (Dewan Rakyat, 2024b). Menurut Kerajaan, tujuan utama Rang Undang-undang tersebut adalah untuk memperkukuh keselamatan dalam talian melalui pengawalseliaan kandungan memudaratkan dan pengenaan kewajipan terhadap pemberi perkhidmatan aplikasi, pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan serta pemberi perkhidmatan rangkaian (Kementerian Komunikasi, 2024).

Perkembangan perundangan di bidang kuasa lain turut menjadi antara rujukan dalam pembentukan kerangka tersebut. United Kingdom dan Australia, misalnya, telah lebih awal memperkenalkan undang-undang keselamatan dalam talian yang komprehensif, manakala Kanada telah mencadangkan kerangka melalui Rang Undang-Undang C-63, yang tidak selesai proses perundangannya (Shchukina, 2023; Parliament of Canada, t.th.). Perkembangan ini mencerminkan kecenderungan global untuk mengalihkan tanggungjawab keselamatan dalam talian daripada pengguna semata-mata kepada penyedia platform dan perkhidmatan digital. Dalam konteks tersebut, Malaysia turut berhadapan dengan desakan untuk membangunkan ekosistem dalam talian yang selamat (Trengove *et al.*, 2022).

RUU 2024 telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada Disember 2024, sebelum diwartakan pada 22 Mei 2025 sebagai Akta Keselamatan Dalam Talian 2025 (Akta 866). Akta tersebut kemudiannya mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026. Dalam tempoh yang sama, Parlimen turut meluluskan Akta Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2025 (Akta A1743) yang mula berkuat kuasa pada 11 Februari 2025.

Akta A1743 memperluas kuasa MCMC, termasuk kuasa untuk mengeluarkan suruhan bertulis dan mengarahkan penggantungan perkhidmatan aplikasi kandungan dalam keadaan tertentu, selain meningkatkan penalti bagi pelbagai kesalahan yang sedia ada di bawah AKM 1998. Pindaan ini turut memperkenalkan peruntukan-peruntukan baharu berkaitan dengan keselamatan rangkaian, pengauditan bebas terhadap pemegang lesen serta peluasan kuasa berkaitan pemintasan, perekodan, pengekalan dan penzahiran data komunikasi. Selain itu, pindaan tersebut memperuntukkan bahawa pelaksanaan pengegedahan dan penyitaan di bawah waran kekal sah walaupun terdapat kecacatan, kesilapan atau peninggalan tertentu pada waran atau permohonannya (Akta Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2025 (Akta A1743); Dewan Rakyat, 2024a).

Selain peruntukan utama dalam AKDT 2025, kerangka pengawalseliaan keselamatan dalam talian di Malaysia turut dilengkapi melalui beberapa instrumen perundangan subsidiari yang memperincikan aspek pelaksanaan dan pematuhan oleh pemberi perkhidmatan dalam talian. Empat peraturan yang mula berkuat kuasa serentak dengan AKDT 2025 pada 1 Januari 2026 ialah Peraturan-Peraturan Keselamatan Dalam Talian (Fi) 2025, Peraturan-Peraturan Keselamatan Dalam Talian (Bentuk Aku Janji) 2025, Peraturan-

Peraturan Keselamatan Dalam Talian (Tempoh) 2025, dan Peraturan-Peraturan Keselamatan Dalam Talian (Tribunal Rayuan Keselamatan Dalam Talian) 2025.

Kerangka pengawalseliaan di bawah AKDT 2025 kemudiannya diperincikan melalui Peraturan-Peraturan Keselamatan Dalam Talian (Pengkompaunan Kesalahan) 2026 dan Peraturan-Peraturan Keselamatan Dalam Talian (Pelan Keselamatan Dalam Talian) 2026, yang mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2026. Kod Perlindungan Kanak-Kanak dan Kod Pengurangan Risiko pula mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2026. Instrumen-instrumen ini melengkapkan kerangka pengawalseliaan di bawah AKDT 2025 dengan memperincikan aspek pentadbiran, tempoh pematuhan, tatacara rayuan, pelan keselamatan dan kewajipan pengurusan risiko oleh pemberi perkhidmatan dalam talian. Perkembangan ini menunjukkan bahawa pelaksanaan AKDT 2025 tidak hanya bergantung pada peruntukan akta induk, tetapi turut disokong oleh perundangan subsidiari, kod dan garis panduan yang lebih terperinci.

Pada masa yang sama, AKDT 2025 beroperasi bersama-sama dengan AKM 1998, yang juga mengandungi peruntukan berkaitan pengawalseliaan dan penguatkuasaan kandungan dalam talian. Kewujudan dua kerangka perundangan yang berjalan serentak ini menimbulkan kemungkinan pertindihan dari segi skop kuasa, tanggungjawab institusi dan tindakan penguatkuasaan. Keadaan tersebut seterusnya menimbulkan persoalan sama ada peluasan kuasa pengawalseliaan telah disertai dengan pengukuhan mekanisme semak dan imbang yang setara, termasuk pengawasan kehakiman dan saluran rayuan yang berkesan. Persoalan ini penting kerana pemusatan kuasa tanpa kawalan yang mencukupi boleh meningkatkan risiko sekatan yang berlebihan atau tidak berkadar terhadap kebebasan bersuara. Sehubungan itu, bahagian seterusnya meneliti dengan lebih khusus struktur, skop dan implikasi pengawalseliaan kandungan memudaratkan di bawah AKDT 2025.

Skop Pemakaian AKDT 2025 dan Implikasinya terhadap Hak Kebebasan Bersuara

Berdasarkan kerangka perundangan yang diuraikan dalam bahagian sebelumnya, AKDT 2025 mempunyai skop pemakaian yang luas, yang merangkumi pemberi perkhidmatan aplikasi, aplikasi kandungan dan rangkaian, termasuk entiti luar negara yang menyediakan perkhidmatan kepada pengguna di Malaysia. Akta ini bertujuan untuk mengawal selia kandungan memudaratkan serta menetapkan kewajipan terhadap pemberi perkhidmatan dalam talian. Namun, ciri pemesejan peribadi antara pengguna dikecualikan daripada skop pemakaian Akta tersebut. Keluasan skop ini menimbulkan persoalan berkaitan dengan jangkauan bidang kuasa dan perlindungan terhadap kandungan yang sah dalam konteks hak kebebasan bersuara.

Tafsiran Kandungan Memudaratkan

AKDT 2025 ini memperincikan sembilan kategori kandungan memudaratkan yang luas sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua. Walau bagaimanapun, ketiadaan takrifan yang jelas dan khusus bagi setiap kategori tersebut boleh menjejaskan hak kebebasan bersuara. Kategori yang disenaraikan merangkumi bahan penganiayaan seksual kanak-kanak; penipuan kewangan; kandungan lucah; kandungan sumbang; kandungan yang menyebabkan gangguan, tekanan, ketakutan atau kebimbangan melalui komunikasi atau perlakuan yang mengancam, kasar atau menghina; kandungan yang menghasut keganasan atau terorisme; kandungan yang mendorong kanak-kanak mencederakan diri; kandungan yang menggalakkan niat jahat atau permusuhan dalam kalangan orang awam atau mengganggu ketenteraman awam; serta kandungan yang menggalakkan penggunaan atau penjualan dadah berbahaya. Sebagai contoh, ruang tafsiran dalam kategori gangguan, tekanan, ketakutan atau kebimbangan serta kategori niat jahat, permusuhan awam atau gangguan ketenteraman awam memerlukan ambang pelaksanaan yang jelas bagi mengelakkan kandungan yang sah, seperti kritikan terhadap kerajaan, satira politik atau perbahasan awam, daripada turut terjejas. Ketidakkjelasan ini menjejaskan prinsip kesahan kerana individu tidak dapat meramalkan dengan munasabah skop larangan undang-undang, sekali gus membuka ruang kepada tafsiran yang luas dan pelaksanaan yang tidak konsisten oleh badan pengawal selia. Keadaan ini berisiko menimbulkan kesan gentar "*chilling effect*" terhadap kebebasan bersuara apabila pengguna cenderung melakukan penapisan sendiri secara berlebihan bagi mengelakkan liabiliti undang-undang.

AKDT 2025 memberikan kuasa kepada Menteri yang bertanggungjawab, iaitu Menteri Komunikasi, untuk, atas syor MCMC, meminda senarai kandungan memudaratkan dalam Jadual Pertama dan Jadual

Kedua. Dalam mengemukakan syor, MCMC hendaklah berunding dengan Jawatankuasa Keselamatan Dalam Talian. Namun, kuasa muktamad kekal pada Menteri, manakala peranan Jawatankuasa Keselamatan Dalam Talian hanya bersifat konsultatif tanpa kuasa mengikat. Dua kategori pertama dikategorikan sebagai kandungan memudaratkan keutamaan (Akta Keselamatan Dalam Talian 2025 (Akta 866), Jadual Kedua) dan tertakluk kepada kawalan yang lebih ketat. Catatan kepada Jadual Pertama mengecualikan kandungan bagi tujuan kesedaran atau pendidikan tentang penipuan kewangan; gambaran bahagian sulit seseorang bagi tujuan pendidikan, saintifik atau perubatan; dan kandungan bagi tujuan kesedaran atau pendidikan tentang penyalahgunaan dadah.

Dari sudut analisis, isu utama berkaitan dengan tafsiran kandungan memudaratkan boleh dihuraikan melalui tiga dimensi, iaitu ketidakjelasan istilah, kesannya terhadap kesahan undang-undang, dan implikasi praktikal terhadap pelaksanaan.

Tafsiran kandungan memudaratkan dalam Jadual Pertama dan Jadual Kedua terbuka kepada pelbagai tafsiran, sama ada oleh MCMC mahupun pemberi perkhidmatan dalam talian, lalu menimbulkan risiko pelaksanaan yang tidak konsisten dan menindas pelaksanaan hak kebebasan bersuara yang sah. (ARTICLE 19 (2024b)) menegaskan bahawa kesemua kategori dalam Jadual Pertama AKDT 2025, kecuali bahan penganiayaan seksual terhadap kanak-kanak, tidak ditakrifkan dengan jelas dan berisiko untuk merangkumi kandungan yang sah di sisi undang-undang, tetapi dianggap memudaratkan berdasarkan tafsiran badan kawal selia, iaitu MCMC. Artikel ini turut berpandangan bahawa ketiadaan takrifan yang jelas bagi kandungan memudaratkan dalam AKDT 2025 berpotensi menimbulkan risiko sekatan secara sewenang-wenangnya terhadap kandungan yang sah.

Dari perspektif kesahan undang-undang, keadaan ini menjejaskan kebolehamalan undang-undang dan membuka ruang kepada pelaksanaan kuasa secara tidak terkawal oleh badan pengawal selia. Berdasarkan prinsip hak asasi manusia antarabangsa, apa-apa sekatan terhadap hak kebebasan bersuara mestilah mematuhi ujian tiga peringkat. Keadaan ini menyukarkan individu untuk menjangkakan tingkah laku yang dibenarkan dan membuka ruang kepada pelaksanaan kuasa secara tidak terkawal oleh pihak pentadbiran. Daud dan Abd. Jalil (2017, pp. 115–118) menunjukkan bahawa kategori “kandungan larangan” di bawah AKM 1998 adalah luas dan bahawa kerangka kawal selia sendiri ketika itu tidak mewajibkan pengelasan atau penapisan kandungan bagi melindungi kanak-kanak. Dapatan tersebut menyokong keperluan kepada kategori kandungan yang dapat dilaksanakan dengan jelas. Keadaan ini sekali gus menimbulkan isu kesahan perlembagaan kerana ketidakjelasan undang-undang boleh mengakibatkan sekatan kandungan yang tidak berkadar di bawah Perkara 10.

Sehubungan dengan itu, artikel ini berpandangan bahawa penambahbaikan perundangan wajar dilaksanakan melalui pindaan kepada AKDT 2025 dengan memasukkan takrifan statutori yang jelas, khusus dan terperinci bagi setiap kategori kandungan memudaratkan. Selain itu, kuasa Menteri untuk meminda Jadual wajar dihadkan melalui keperluan kelulusan Parlimen bagi memastikan akauntabiliti demokratik. Di samping itu, garis panduan tafsiran yang jelas perlu diwujudkan dan tertakluk kepada semakan kehakiman bagi memastikan pelaksanaan kuasa pentadbiran selaras dengan prinsip perkadaran dan kedaulatan undang-undang.

Pendekatan ini penting bagi memastikan Parlimen berfungsi sebagai mekanisme semak dan imbang yang berkesan dalam menentukan skop sekatan terhadap hak kebebasan bersuara. Pada masa yang sama, pendekatan tersebut dapat memastikan bahawa apa-apa istilah yang diperkenalkan untuk tujuan perlindungan keselamatan dalam talian mematuhi ujian tiga peringkat dalam undang-undang hak asasi manusia, sekali gus mengurangkan risiko cabaran terhadap peruntukan tersebut secara perlembagaan di mahkamah pada masa hadapan. Ketidakjelasan tafsiran kandungan memudaratkan di bawah AKDT 2025 bukan sahaja membuka ruang kepada pelaksanaan kuasa secara sewenang-wenang, tetapi juga membentuk kecenderungan terhadap campur tangan pengawalseliaan yang lebih tertumpu pada penyingkiran kandungan. Keadaan ini menuntut penelitian lanjut terhadap peranan penapisan kandungan (*content moderation*) dan reka bentuk kandungan (*content curation*) dalam melindungi hak kebebasan bersuara.

Pendekatan Penapisan Kandungan (*Content Moderation*) dan Reka Bentuk Kandungan (*Content Curation*)

Keluasan tafsiran kandungan memudaratkan dalam AKDT 2025 memberikan kesan langsung terhadap pendekatan pengawalseliaan kandungan dalam talian yang digunakan. Dalam kerangka pengawalseliaan AKDT 2025, pemberi perkhidmatan dalam talian dikehendaki menyediakan pelbagai mekanisme keselamatan, termasuk garis panduan pengguna, mekanisme aduan (AKDT 2025, Seksyen 16, Seksyen 21-26), mekanisme khas bagi perlindungan kanak-kanak (AKDT 2025, Seksyen 18), pelan keselamatan dalam talian (AKDT 2025, Seksyen 20), dan mekanisme sekatan capaian kepada kandungan memudaratkan keutamaan. Subseksyen 13(3) AKDT 2025 memperuntukkan bahawa langkah yang dilaksanakan di bawah seksyen tersebut tidak boleh mengehadkan ekspresi pengguna secara tidak munasabah atau tidak berkadar. Kegagalan untuk mematuhi kewajipan di bawah Bahagian III boleh menyebabkan pemberi perkhidmatan dikenakan penalti sehingga RM10 juta (AKDT 2025, Subseksyen 39(2)).

Berdasarkan kerangka perundangan tersebut, isu utama tidak lagi terletak pada kewujudan kewajipan untuk mengawal selia kandungan dalam talian, tetapi pada orientasi pendekatan yang digunakan untuk mengawalinya. Dalam konteks ini, perbezaan antara pendekatan penapisan kandungan (*content moderation*) dengan pendekatan reka bentuk kandungan (*content curation*) digunakan sebagai kerangka analitis untuk menilai struktur pengawalseliaan di bawah AKDT 2025.

Kewajipan yang diperuntukkan dalam AKDT 2025 menunjukkan bahawa kerangka pengawalseliaan tersebut menggabungkan dua pendekatan utama terhadap kandungan dalam talian, iaitu pendekatan penapisan kandungan dan pendekatan reka bentuk kandungan. Kajian ini mendapati bahawa tiada takrifan undang-undang yang menyeluruh pada peringkat antarabangsa bagi kedua-dua pendekatan tersebut, walaupun ada beberapa kajian telah cuba menerangkan konsep dan perbezaan antara kedua-duanya (Mazzoli & Tambini, 2020).

Kajian ini berpandangan bahawa, dari sudut konsep, pendekatan penapisan kandungan merujuk kepada pendekatan pengawalseliaan yang bersifat reaktif secara *ex post* dan berfokus pada tindakan langsung terhadap kandungan memudaratkan, termasuk pelaporan, penilaian, penyingkiran atau penghadan kebolehcapaian kandungan oleh badan pengawal selia atau pemberi perkhidmatan dalam talian selepas kandungan tersebut dikenal pasti atau dilaporkan. Walaupun kedua-dua pendekatan ini tidak terpisah secara mutlak dan sering bertindih dalam amalan, perbezaan ini digunakan sebagai satu tipologi analitis bagi menilai konsep pengawalseliaan yang berbeza.

Sebaliknya, penyelidik juga berpandangan bahawa, dari sudut konsep, pendekatan reka bentuk kandungan merujuk kepada pendekatan yang lebih bersifat proaktif dan sistemik, dengan memberikan penekanan pada reka bentuk sistem penyampaian perkhidmatan dalam talian, konsep keselamatan melalui reka bentuk (*safety by design*), ciri teknikal yang menggalakkan perkongsian maklumat secara selamat, kawalan sendiri oleh pengguna, penyediaan mekanisme bantuan serta pengurusan persekitaran dalam talian secara *ex ante*. Pendekatan ini bertujuan untuk mengurangkan pendedahan kepada kandungan memudaratkan tanpa bergantung sepenuhnya pada tindakan penyingkiran kandungan. Pendekatan ini turut menuntut kebertanggungjawaban terhadap sistem dan algoritma yang digunakan oleh pemberi perkhidmatan dalam talian, termasuk keperluan terhadap ketelusan asas dan penilaian kemudaran yang munasabah, selaras dengan prinsip hak kebebasan bersuara, keperluan dan perkadaran. Walau bagaimanapun, pendekatan ini sewajarnya berfungsi sebagai mekanisme pencegahan awal yang melengkapkan pendekatan penapisan kandungan secara adil dan seimbang.

Perbezaan antara kedua-dua pendekatan ini adalah signifikan kerana pendekatan penapisan kandungan beroperasi secara *ex post* melalui campur tangan langsung terhadap kandungan tertentu, manakala pendekatan reka bentuk kandungan berfungsi secara *ex ante* melalui reka bentuk sistem yang mempengaruhi pendedahan pengguna terhadap kandungan.

Dari perspektif kebebasan bersuara, perbezaan antara kedua-dua pendekatan ini mempunyai implikasi yang penting terhadap tahap campur tangan dalam pengurusan kandungan dalam talian. Walaupun AKDT 2025 mengandungi unsur kedua-dua pendekatan ini, berdasarkan analisis terhadap peruntukan-peruntukannya, penyelidik berpandangan bahawa orientasi keseluruhan Akta lebih cenderung kepada

pendekatan penapisan kandungan yang berpusat pada penguatkuasaan di bawah MCMC, khususnya melalui kuasa untuk menjadikan kandungan tidak boleh diakses atau menyekat akses tanpa mekanisme semak dan imbang yang bebas. Keadaan ini menimbulkan risiko sekatan berlebihan terhadap hak kebebasan bersuara. Keadaan ini turut menimbulkan persoalan sama ada pendekatan tersebut memenuhi prinsip perkadaran, khususnya sama ada sekatan yang dikenakan merupakan langkah minimum yang diperlukan untuk mencapai objektif perlindungan keselamatan dalam talian.

Dari segi peruntukan khusus, kewajipan dalam Seksyen 16 AKDT 2025 yang memperuntukkan mekanisme pelaporan kandungan memudaratkan, Seksyen 19 AKDT 2025 yang mewajibkan sekatan capaian kepada kandungan memudaratkan keutamaan dan Bahagian IV AKDT 2025 yang memberikan kuasa kepada MCMC untuk mengarahkan supaya kandungan dijadikan tidak boleh diakses atau bahagian rangkaian yang berkaitan disekat, jelas mencerminkan pendekatan penapisan kandungan yang bersifat reaktif dan berorientasikan tindakan terhadap kandungan tertentu.

Sebaliknya, kewajipan dalam seksyen 14 AKDT 2025 untuk mengeluarkan garis panduan kepada pengguna, seksyen 15 AKDT 2025 yang membolehkan pengguna mengurus keselamatan dalam talian mereka melalui ciri dan tetapan platform, serta seksyen 20 AKDT 2025 yang mewajibkan pemberi perkhidmatan menyediakan Pelan Keselamatan Dalam Talian, lebih tepat difahami sebagai pendekatan reka bentuk kandungan kerana peruntukan-peruntukan ini menumpukan perhatian pada reka bentuk sistem, tadbir urus dalaman dan pengurusan pengalaman pengguna.

Seksyen 18 AKDT 2025 mewajibkan langkah bagi memastikan reka bentuk dan pengendalian perkhidmatan yang selamat untuk pengguna kanak-kanak. Langkah tersebut termasuk mencegah akses kanak-kanak kepada kandungan yang disyaki memudaratkan, mengehadkan komunikasi orang dewasa dengan kanak-kanak, mengehadkan ciri yang meningkatkan atau memanjangkan penggunaan, melindungi maklumat peribadi kanak-kanak dan mengawal sistem cadangan yang diperibadikan supaya sesuai untuk pengguna kanak-kanak. Oleh itu, peruntukan ini merupakan antara contoh paling jelas tentang kewajipan keselamatan melalui reka bentuk.

Peruntukan-peruntukan ini jelas menunjukkan bahawa mekanisme di bawah Seksyen 16, Seksyen 19 dan Bahagian IV beroperasi secara *ex post* melalui tindakan terhadap kandungan tertentu, manakala kewajipan di bawah Seksyen 14, Seksyen 15, Seksyen 18 dan Seksyen 20 lebih bersifat *ex ante*, tetapi berfungsi sebagai sokongan sistemik dan bukan penentu utama terhadap capaian kepada kandungan. Oleh itu, walaupun AKDT 2025 memperuntukkan model pengawalseliaan hibrid, struktur pelaksanaannya menunjukkan bahawa pendekatan penapisan kandungan menjadi orientasi utama yang menentukan capaian kepada kandungan dalam talian, manakala pendekatan reka bentuk kandungan hanya berfungsi sebagai mekanisme sokongan.

Penekanan AKDT 2025 terhadap pendekatan penapisan kandungan yang bersifat reaktif dan pusat pada kuasa di bawah MCMC menimbulkan isu dari sudut prinsip hak asasi manusia, khususnya apabila kuasa penyingkiran kandungan dilaksanakan berdasarkan tafsiran pentadbiran yang luas dan ditentukan oleh badan pengawal selia. Keadaan ini mewujudkan risiko penyingkiran yang berlebihan kerana kandungan yang sah di sisi undang-undang mungkin turut disingkirkan sebagai langkah pencegahan, sekali gus menjejaskan perlindungan hak kebebasan bersuara yang dijamin di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

Walaupun pendekatan reka bentuk kandungan, terutamanya melalui perlindungan pengguna kanak-kanak dan pemerkasaan pengguna, menawarkan alternatif yang kurang menjejaskan hak kebebasan bersuara, peranan pendekatan ini dalam kerangka keseluruhan AKDT 2025 masih bersifat sokongan dan bukan pendekatan teras. Keadaan ini menunjukkan bahawa imbalan antara keselamatan dalam talian dengan hak kebebasan bersuara di bawah AKDT 2025 masih bergantung secara dominan pada pendekatan penapisan kandungan. Oleh itu, pelaksanaan kuasa tersebut memerlukan pengawasan daripada badan bebas atau badan kehakiman dan tidak seharusnya bergantung sepenuhnya pada MCMC, bagi memastikan pelaksanaannya selaras dengan prinsip perkadaran dan kedaulatan undang-undang.

Sehubungan dengan kebimbangan mengenai pemusatan kuasa untuk mentafsirkan dan menguatkuasakan peruntukan berkaitan kandungan di bawah AKDT 2025, penyelidik mencadangkan agar pilihan reka bentuk institusi yang bebas turut dipertimbangkan sebagai sebahagian daripada penambahbaikan struktur

pengawalseliaan keselamatan dalam talian di Malaysia, khususnya dalam pelaksanaan pendekatan penapisan kandungan. Walaupun AKDT 2025 telah memperuntukkan pendekatan reka bentuk kandungan melalui kewajipan reka bentuk sistem dan pengurusan risiko oleh pemberi perkhidmatan, kecenderungan terhadap penyingkiran yang berlebihan berpunca daripada hakikat bahawa penentuan kandungan memudaratkan dan arahan penyingkiran dilaksanakan oleh badan pengawal selia yang kebebasan fungsinya dipersoalkan dalam analisis ini, dengan kesan serta-merta dan tanpa semakan kehakiman awal.

Dalam konteks ini, tanpa menjalankan analisis perbandingan secara terperinci, rujukan secara ilustratif boleh dibuat kepada kewujudan model badan pengawal selia khusus bagi keselamatan kandungan. Sebagai contoh, eSafety Commissioner di Australia ialah pengawal selia keselamatan dalam talian bebas yang ditubuhkan pada tahun 2015 dan kini melaksanakan fungsi keselamatan dalam talian di bawah Online Safety Act 2021 (Cth), secara berasingan daripada Australian Communications and Media Authority (ACMA). Di Kanada, Rang Undang-Undang C-63 pada tahun 2024 mencadangkan penubuhan Digital Safety Commission of Canada, tetapi rang undang-undang itu kekal pada peringkat bacaan kali kedua apabila sesi Parlimen berakhir pada 6 Januari 2025 dan tidak menjadi undang-undang (Office of the eSafety Commissioner, t.th.; Parliament of Canada, t.th.).

Rujukan ini tidak dikemukakan sebagai asas bagi hujah perbandingan, tetapi untuk menunjukkan bahawa pemusatan fungsi pengurusan kandungan pada satu badan khusus yang bebas, lebih terfokus dan berakuntabiliti berpotensi mengurangkan risiko tafsiran pentadbiran yang berat sebelah, mengekang fenomena penyingkiran yang berlebihan dan seterusnya memperkukuh perlindungan hak kebebasan bersuara yang dijamin di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Berbanding dengan model Australia dan cadangan model Kanada tersebut, kerangka Malaysia melalui AKDT 2025 menunjukkan penumpuan kuasa yang lebih besar pada satu badan pengawal selia tanpa pemisahan fungsi yang jelas, sekali gus menimbulkan cabaran yang lebih ketara dari sudut semak dan imbang institusi.

Penekanan berlebihan terhadap pendekatan penapisan kandungan yang bersifat reaktif berisiko mendorong fenomena penyingkiran yang berlebihan kerana kandungan yang sah turut disingkirkan sebagai langkah berjaga-jaga oleh pemberi perkhidmatan bagi mengelakkan liabiliti. Keadaan ini berpotensi menjejaskan ruang wacana demokratik dan melemahkan fungsi kebebasan bersuara sebagai medium semak dan imbang terhadap kuasa awam. Perbincangan ini seterusnya beralih kepada persoalan tentang pihak yang diberikan kuasa untuk melaksanakan campur tangan tersebut serta cara kuasa penguatkuasaan itu dijalankan dalam kerangka perundangan sedia ada.

Kuasa Penguatkuasaan MCMC

Dalam konteks dominasi pendekatan penapisan kandungan dalam AKDT 2025, kuasa MCMC wajar diteliti dengan lebih dekat. MCMC merupakan badan berkanun di Malaysia yang bertanggungjawab mengawal selia dan membangunkan sektor komunikasi dan multimedia (Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998, Mukadimah). MCMC ditubuhkan pada November 1998 berdasarkan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (Akta 589). MCMC telah mengambil alih fungsi Jabatan Telekom Malaysia yang terdahulu (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, t.th). Keperluan terhadap badan pengawal selia yang bebas telah dijelaskan oleh Datuk Leo Moggie anak Irok, Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pos pada masa itu, semasa Bacaan Kali Kedua dan Kali Ketiga Rang Undang-Undang Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 di Dewan Rakyat (Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat, 1998). Sejarah penubuhan MCMC menunjukkan bahawa badan tersebut direka bentuk sebagai badan pengawal selia yang bebas dengan pemisahan fungsi dasar dan penguatkuasaan bagi mengelakkan konflik kepentingan dan meningkatkan ketelusan pengawalseliaan. Walau bagaimanapun, isu penting kini tidak lagi tertumpu pada reka bentuk asal MCMC sebagai badan bebas, tetapi pada sejauh mana kebebasan tersebut masih wujud dalam struktur dan pelaksanaannya pada masa kini.

Mukadimah Akta 589 turut menjelaskan bahawa tugas utama MCMC adalah untuk menyelia dan mengawal selia aktiviti komunikasi dan multimedia di Malaysia serta menguatkuasakan semua undang-undang yang berkaitan (Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998, Mukadimah). Selain itu, ahli MCMC dilantik oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan hal ehwal komunikasi dan multimedia, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Seksyen 6 Akta 589. MCMC terdiri daripada seorang pengerusi, tiga orang ahli yang mewakili Kerajaan serta tidak kurang daripada dua orang dan

tidak lebih daripada lima orang ahli lain. Dalam konteks ini, pelantikan oleh Menteri dan peluasan fungsi yang merangkumi tafsiran kandungan, penguatkuasaan dan penyiasatan menimbulkan persoalan sama ada kebebasan tersebut bersifat substantif atau sekadar formal. Penyelidik memfokuskan pada empat jenis kuasa MCMC di bawah AKM 1998, iaitu kuasa untuk mengeluarkan arahan yang mengikat kepada pemberi perkhidmatan dalam talian, kuasa untuk mengawal selia kandungan dalam talian, kuasa untuk menyingkirkan atau menyekat kandungan memudaratkan dan kuasa penyiasatan. Secara analitis, kuasa-kuasa ini menunjukkan penggabungan tiga fungsi utama, iaitu penentuan kandungan, pelaksanaan arahan dan penguatkuasaan undang-undang dalam satu badan pengawal selia.

Seksyen 51 AKM 1998 menetapkan kuasa am MCMC untuk mengeluarkan arahan bertulis bagi memastikan pematuhan terhadap AKM 1998, perundangan subsidiari, instrumen di bawah Akta berkenaan, syarat lesen serta apa-apa syarat lain yang dikenakan oleh MCMC, manakala skop kuasa ini diperluas melalui pindaan tahun 2025 (Akta Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2025 (Akta A1743) (Malaysia), Seksyen 12). Huraian Rang Undang-undang tersebut memperincikan bahawa kuasa ini bertujuan untuk membolehkan MCMC melaksanakan fungsinya secara berkesan, termasuk melalui perwakilan kuasa kepada pegawai atau pelantikan pihak lain. Perkembangan ini menunjukkan bahawa sebelum pengenalan AKDT 2025, MCMC telah pun mempunyai asas kuasa yang luas untuk mengawal selia kandungan dalam talian.

Pertama, Seksyen 211 AKM 1998 melarang pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan daripada menyediakan kandungan yang tidak senonoh, lucah, palsu, mengancam atau terlalu menyinggung perasaan dengan niat jahat, dengan penalti berat termasuk denda yang tinggi dan pemenjaraan. Pindaan pada tahun 2025 telah mengecilkan skop pemakaiannya kepada pemberi perkhidmatan sahaja (Akta Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2025 (Akta A1743), Subseksyen 80(b)(i)) dan menaikkan ambang liabiliti bagi mengurangkan risiko penguatkuasaan yang keterlaluan (Akta Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2025 (Akta A1743), Subseksyen 80(b)(ii)). Kedua, Seksyen 211A AKM 1998 pula memberikan kuasa kepada MCMC untuk menggantung perkhidmatan jika berlaku pelanggaran peruntukan kandungan, syarat lesen atau instrumen pengawalseliaan yang berkaitan (Rang Undang-Undang Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2024 (DR 51/2024)). Ketiga, Seksyen 233 AKM 1998 memperkenalkan kesalahan khusus terhadap penyalahgunaan perkhidmatan rangkaian, termasuk penciptaan dan penghantaran kandungan yang memudaratkan atau sangat menyinggung perasaan, dengan hukuman yang lebih berat apabila melibatkan kanak-kanak serta kesalahan komersial berkaitan dengan kandungan lucah yang diklasifikasikan sebagai kesalahan “boleh tangkap” atau “boleh rampas.”

Secara keseluruhan, kerangka ini menegaskan kedudukan kukuh MCMC dalam menangani kemudaratkan dalam talian. Namun, penggunaan istilah yang luas dan terbuka kepada tafsiran menimbulkan cabaran dari sudut kesahan undang-undang dan keseimbangan dengan hak kebebasan bersuara. Walaupun penyelidik berpandangan bahawa penggubalan yang luas ini menawarkan fleksibiliti dalam menangani kemudaratkan dalam talian yang semakin berkembang, keadaan ini boleh mewujudkan ketidakpastian undang-undang kepada pengguna dan pemberi perkhidmatan serta menimbulkan persoalan tentang titik keseimbangan antara pengawalseliaan kandungan dengan perlindungan kebebasan bersuara. Ketidaktepatan ini juga berpotensi menimbulkan kesan penapisan awal apabila pengguna atau pemberi perkhidmatan cenderung untuk menyingkirkan kandungan sebagai langkah berhati-hati bagi mengelakkan liabiliti.

Mengikut Seksyen 263 AKM 1998, MCMC juga mempunyai kuasa statutori yang kukuh untuk memaksa pemegang lesen menghalang penggunaan rangkaian atau perkhidmatan mereka bagi tujuan yang menyalahi undang-undang. Seksyen ini mewajibkan pemegang lesen, atas permintaan MCMC atau pihak berkuasa lain, melakukan atau tidak melakukan sesuatu bagi mencegah pelakuan kesalahan. Di bawah subseksyen 263(2) yang dipinda, pemegang lesen yang menerima notis bertulis hendaklah mematuhi notis itu, manakala kegagalan berbuat demikian merupakan suatu kesalahan di bawah subseksyen 263(3) (Akta Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2025 (Akta A1743), Seksyen 115). Secara praktikal, Seksyen 263 AKM 1998 boleh berfungsi sebagai instrumen penguatkuasaan berhubung dengan kandungan yang menyalahi undang-undang apabila notis bertulis menghendaki tindakan pemegang lesen, termasuk sekatan akses dalam kes yang bersesuaian. Bentuk tindakan tetap bergantung pada kandungan notis dan asas undang-undang yang berkaitan, di samping pengawalseliaan kandungan memudaratkan di bawah AKDT 2025.

Selain kuasa pengawalseliaan kandungan dalam talian, MCMC turut dilengkapi dengan kuasa penyiasatan yang menyeluruh di bawah Bahagian X, Bab 3 AKM 1998 bagi memastikan penguatkuasaan yang berkesan. Pertama, melalui Seksyen 246, 252A dan 252B AKM 1998, MCMC berkuasa untuk menyiasat kesalahan, memelihara dan mendapatkan pendedahan data komunikasi, termasuk menggunakan kuasa khas polis bagi kesalahan boleh sita. Peruntukan ini membolehkan data digital dipelihara dan diakses dengan segera melalui notis bertulis, disertai dengan kewajipan kerahsiaan yang ketat. Kedua, Seksyen 248 AKM 1998 membenarkan pengegedahan dan penyitaan tanpa waran apabila kelewatan boleh menjejaskan siasatan, manakala pindaan tahun 2025 memperluas kuasa ini kepada pegawai MCMC yang diberi kuasa (Akta Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2025 (Akta A1743), Seksyen 106). Ketiga, Seksyen 252 AKM 1998 memberikan kuasa kepada Pendakwa Raya untuk membenarkan pemintasan komunikasi yang meliputi pelbagai bentuk komunikasi digital, manakala Seksyen 265 AKM 1998 membolehkan Menteri mewajibkan pemegang lesen menyediakan keupayaan pemintasan.

Kuasa ini disokong oleh peruntukan tambahan seperti Seksyen 73, 77, 249 dan 253 AKM 1998, yang memastikan akses penuh kepada maklumat, dokumen dan data berkomputer serta menjadikan perbuatan menghalang penyiasatan sebagai suatu kesalahan. Secara keseluruhan, peruntukan ini menegaskan keupayaan penyiasatan MCMC yang luas dan berkesan. Namun, pada masa yang sama, peruntukan tersebut menimbulkan masalah penting tentang skop, perkadaran dan perlindungan hak privasi.

Dalam konteks AKDT 2025, MCMC turut diberikan kuasa penguatkuasaan yang luas, merangkumi kuasa untuk mengeluarkan arahan berhubung dengan kandungan memudaratkan, kuasa mengeluarkan arahan am, kuasa pengumpulan maklumat dan kuasa penyiasatan. Kesemua kuasa ini tertumpu pada MCMC sebagai badan pengawal selia utama keselamatan dalam talian (AKDT 2025, Pt. IV, V & VIII). Pertama, dari sudut kuasa penentuan dan arahan berhubung dengan kandungan memudaratkan, MCMC diberi kuasa untuk mengeluarkan arahan bertulis supaya kandungan memudaratkan atau kandungan memudaratkan keutamaan dijadikan tidak boleh diakses, termasuk melalui sekatan bahagian rangkaian yang berkaitan, tanpa keperluan untuk mendapatkan semakan oleh badan bebas atau perintah mahkamah terlebih dahulu (AKDT 2025, Pt IV).

Kedua, sebagaimana Seksyen 51 AKM 1998, MCMC mempunyai kuasa am untuk mengeluarkan arahan bertulis bagi memastikan pematuhan terhadap peruntukan AKDT 2025, manakala kegagalan mematuhi arahan tersebut merupakan suatu kesalahan yang boleh dikenakan penalti (AKDT 2025, Pt. V; bandingkan dengan AKM 1998, Seksyen 51 & 263). Ketiga, dari sudut kuasa pengumpulan maklumat, MCMC boleh menghendaki mana-mana orang mengemukakan maklumat, dokumen atau keterangan yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasanya di bawah Akta ini. Kegagalan mematuhi notis tersebut juga merupakan suatu kesalahan (AKDT 2025, Seksyen 32). Keempat, dari sudut kuasa siasatan, MCMC dan pegawai yang diberi kuasa boleh menyiasat, menggeledah dan menyita, sama ada dengan waran atau tanpa waran dalam keadaan mendesak, serta mengakses data dan mengeluarkan notis pemeliharaan data komunikasi bagi tujuan penyiasatan (AKDT 2025, Seksyen 53–61).

Secara keseluruhan, penggabungan kuasa penentuan kandungan, kuasa untuk mengeluarkan arahan am, serta kuasa pematuhan dan penyiasatan dalam satu badan pengawal selia menimbulkan isu berkaitan dengan keperluan mekanisme semak dan imbang di bawah Perlembagaan, khususnya apabila sekatan terhadap kandungan boleh berkuat kuasa serta-merta sebelum apa-apa pengawasan oleh badan bebas atau badan kehakiman dijalankan.

Landskap pengawalseliaan kandungan dalam talian berubah secara ketara dengan pengenalan AKDT 2025 dan pindaan serentak kepada AKM 1998 melalui Akta Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2025 (Akta A1743). Kerangka perundangan baharu ini menunjukkan penumpuan pelbagai kuasa baharu pada MCMC yang merangkumi fungsi pengawalseliaan kandungan dalam talian dan penyiasatan, termasuk kuasa pemintasan data komunikasi (ARTICLE 19, 2024a). Dari sudut pengawalseliaan kandungan, seksyen 211A AKM 1998 yang dipinda membolehkan MCMC, melalui arahan di bawah seksyen 51, menghendaki pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan menggantung perkhidmatannya bagi tempoh tertentu apabila alasan statutori dipenuhi. Seksyen 263 pula menyediakan mekanisme notis bertulis kepada pemegang lesen bagi mencegah pelakuan kesalahan; bentuk tindakan yang dikehendaki bergantung pada kandungan notis itu. Selain itu, Bahagian IV AKDT 2025 memberikan MCMC kuasa

untuk mengarahkan supaya kandungan dalam talian dijadikan tidak boleh diakses atau bahagian rangkaian yang berkaitan disekat tanpa rujukan terlebih dahulu kepada suatu badan bebas atau mahkamah.

Selain kuasa pengawalseliaan kandungan, AKDT 2025 bersama dengan pindaan kepada Akta 588 memperluas bidang penguatkuasaan MCMC kepada dimensi penyiasatan dan risikan, yang menghampiri kuasa lazimnya dimiliki oleh agensi penguatkuasaan undang-undang tradisional. Antara ciri kontroversi dalam struktur kuasa baharu ini ialah ketiadaan pengawasan oleh badan bebas atau badan kehakiman pada peringkat prapenguatkuasaan. MCMC boleh menggunakan pelbagai kuasa tersebut secara terus melalui proses pentadbiran dalaman tanpa perlu merujuk kepada badan bebas atau mahkamah terlebih dahulu. Keadaan ini menimbulkan persoalan berkaitan dengan ketiadaan mekanisme semak dan imbang pada peringkat prapenguatkuasaan, khususnya apabila sekatan boleh dilaksanakan serta-merta.

Selain itu, AKDT 2025 ini menubuhkan dua entiti sokongan utama, iaitu Jawatankuasa Keselamatan Dalam Talian (AKDT 2025, Seksyen 5) dan Tribunal Rayuan Keselamatan Dalam Talian (AKDT 2025, Seksyen 40). Jawatankuasa Keselamatan Dalam Talian tidak mempunyai kuasa mengikat dan fungsinya lebih bersifat konsultatif. Malah, dalam hal penentuan kategori kandungan memudaratkan, AKDT 2025 mewajibkan MCMC berunding dengan Jawatankuasa sebelum mengesyorkan apa-apa perubahan kepada Menteri Komunikasi. Namun, pandangan Jawatankuasa tersebut tidak semestinya diterima kerana kuasa muktamad terletak pada budi bicara Menteri Komunikasi.

Sementara itu, Tribunal Rayuan Keselamatan Dalam Talian diberi kuasa separa kehakiman (*quasi-judicial*) untuk mendengar rayuan terhadap arahan bertulis, penentuan, arahan atau keputusan semakan yang disenaraikan secara khusus dalam subseksyen 41(1) AKDT 2025. Tribunal ini pada dasarnya berfungsi sebagai forum semakan pada peringkat eksekutif untuk membolehkan pihak yang terkilan mencabar tindakan MCMC. Namun, Tribunal tersebut hanya beroperasi selepas tindakan diambil oleh MCMC. Hal ini bermakna bahawa apa-apa arahan untuk menjadikan kandungan tidak boleh diakses atau menyekat bahagian rangkaian yang berkaitan akan terus berkuat kuasa dan hanya boleh dicabar kemudian di hadapan Tribunal. Tempoh antara pelaksanaan tindakan dengan keputusan rayuan boleh mengakibatkan penapisan berlaku terlebih dahulu kerana kandungan mungkin sudah pun disingkirkan atau laman web telah disekat bagi suatu tempoh sebelum semakan dilakukan.

Walaupun penubuhan Tribunal merupakan satu langkah positif ke arah mewujudkan mekanisme semak dan imbang, mekanisme ini mempunyai beberapa kelemahan struktur. Pertama, pelantikan ahli Tribunal dibuat oleh Menteri yang bertanggungjawab, sekali gus menimbulkan persoalan tentang kebebasan dan keupayaan Tribunal untuk membuat keputusan secara bebas daripada pengaruh eksekutif. Kedua, bidang rayuan Tribunal terhad kepada kategori keputusan yang disenaraikan dalam subseksyen 41(1), dan Tribunal boleh mengesahkan atau mengetepikan keputusan yang dirayu menurut subseksyen 41(2). Keputusan Tribunal adalah muktamad dan mengikat di bawah seksyen 46. Semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi tetap tersedia, tetapi seksyen 70 menghendaki remedi di bawah AKDT 2025 dihabiskan terlebih dahulu. Walaupun Tribunal menyediakan saluran semakan, sifatnya yang beroperasi secara *ex post* dan persoalan tentang kebebasan institusi mengehadkan keberkesanannya sebagai mekanisme semak dan imbang yang berkesan.

Secara keseluruhannya, penumpuan kuasa tafsiran, penguatkuasaan dan penyiasatan kandungan pada satu badan pengawal selia menimbulkan risiko konflik peranan institusi. Keadaan ini seterusnya meningkatkan kecenderungan terhadap campur tangan berlebihan terhadap ekspresi dalam talian yang dilindungi oleh hak kebebasan bersuara di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan, khususnya apabila sekatan sedemikian tidak disertai dengan jaminan kesahan undang-undang, syarat keperluan yang jelas dan penilaian perkadaran yang munasabah.

Sehubungan dengan itu, penyelidik mencadangkan penubuhan sebuah badan bebas yang khusus untuk mengendalikan keselamatan dan pengurusan kandungan dalam talian dengan proses pelantikan yang bersifat bebas. Pendekatan institusi sedemikian berpotensi untuk menyediakan ruang semakan yang lebih bebas dan berakuntabiliti, serta mengurangkan risiko penyingkiran yang berlebihan, tanpa menjejaskan keupayaan negara untuk menangani kemudaratan dalam talian secara berkesan. Model institusi ini juga lebih selaras dengan tuntutan prinsip perkadaran, kedaulatan undang-undang dan asas demokrasi berperlembagaan yang menjunjung perlindungan hak kebebasan bersuara.

Kesimpulan

Secara prinsipnya, perlindungan hak kebebasan bersuara di Malaysia berakar umbi dalam Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan, yang mengiktiraf kebebasan bersuara sebagai salah satu hak asasi manusia, tetapi tertakluk kepada sekatan yang dibenarkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan penelitian yang dijalankan, beberapa autoriti kehakiman menerima bahawa sekatan terhadap hak asasi perlu dinilai dari sudut kemunasabahan dan perkadaran, tetapi keputusan Mahkamah Persekutuan dalam *Heidy Quah* menunjukkan bahawa bentuk dan intensiti kawalan kehakiman itu masih tidak seragam. Pada peringkat normatif, sekatan hendaklah ditetapkan melalui undang-undang yang jelas, mempunyai matlamat yang sah serta memenuhi syarat keperluan dan perkadaran. Dapatan kajian ini menunjukkan tiga isu utama, iaitu ketidakjelasan tafsiran kandungan memudaratkan, kecenderungan kepada pendekatan penapisan kandungan dan penumpuan kuasa pengawalseliaan kepada MCMC yang berisiko membolehkan sekatan yang tidak berkadar dikenakan terhadap kebebasan bersuara.

Seiring dengan itu, analisis dalam penyelidikan ini menunjukkan bahawa pendekatan badan kehakiman Malaysia telah bergerak daripada pendekatan *deferential* kepada penerimaan prinsip kemunasabahan dan perkadaran dalam beberapa autoriti. Namun, keputusan Mahkamah Persekutuan dalam *Heidy Quah* menunjukkan bahawa prinsip tersebut belum diterapkan secara seragam sebagai piawaian untuk menyemak sekatan terhadap hak kebebasan bersuara. Peralihan ini menegaskan bahawa, walaupun suatu sekatan bertujuan untuk melindungi kepentingan awam atau keselamatan dalam talian, sekatan terhadap kandungan tidak boleh dilaksanakan secara berlebihan atau tanpa justifikasi yang munasabah dari sudut perlembagaan. Perkembangan ini menunjukkan bahawa prinsip perkadaran semakin penting dalam penilaian terhadap kesahan sekatan terhadap kebebasan bersuara, walaupun bentuk dan tahap penerapannya dalam jurisprudens Malaysia masih belum sepenuhnya seragam.

Dalam konteks ini, analisis doktrinal terhadap AKDT 2025 menunjukkan bahawa kategori kandungan memudaratkan belum seragam dari segi kejelasan. Ketiadaan takrifan atau ambang yang cukup khusus bagi beberapa kategori membuka ruang kepada tafsiran pentadbiran yang luas, sekali gus menjejaskan kepastian undang-undang dan kebolehamalan yang dituntut oleh ujian tiga peringkat. Keadaan ini meningkatkan risiko sekatan secara sewenang-wenangnya terhadap hak kebebasan bersuara yang sepatutnya dilindungi di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

Dari sudut pendekatan pengawalseliaan kandungan dalam talian, walaupun AKDT 2025 memperkenalkan elemen reka bentuk kandungan melalui kewajipan reka bentuk sistem, pemerkasaan pengguna dan perlindungan kanak-kanak berasaskan ciri keselamatan yang dibangunkan dalam sistem itu sendiri, kerangka keseluruhan AKDT 2025 masih menunjukkan kebergantungan yang dominan pada pendekatan penapisan kandungan yang bersifat reaktif dan berfokuskan tindakan secara *ex post* terhadap kandungan. Bergantungan sedemikian cenderung menimbulkan penapisan awal secara tidak langsung dan kesan gentar (*chilling effect*) terhadap wacana awam dalam talian. Keadaan ini memberikan implikasi serius terhadap ruang demokrasi digital dan memerlukan penilaian semula terhadap keseimbangan antara penguatkuasaan dengan perlindungan hak kebebasan bersuara.

Selanjutnya, dari perspektif kuasa penguatkuasaan MCMC, penumpuan fungsi tafsiran kandungan, pengeluaran arahan am, pematuhan dan penyiasatan pada MCMC telah menimbulkan risiko konflik peranan institusi dan campur tangan pentadbiran yang berlebihan, khususnya apabila sekatan terhadap kandungan boleh berkuat kuasa serta-merta tanpa pengawasan kehakiman awal atau mekanisme semak dan imbang institusi yang bebas.

Oleh hal yang demikian, kajian ini menyimpulkan bahawa AKDT 2025 masih memerlukan penambahbaikan perundangan dan institusi yang substantif bagi memastikan usaha melindungi keselamatan dalam talian dilaksanakan selaras dengan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan. Penetapan takrifan statutori yang jelas, pengukuhan pendekatan reka bentuk kandungan sebagai mekanisme teras dan pengenalan mekanisme semak dan imbang melalui pengawasan kehakiman atau institusi bebas yang berkesan merupakan langkah penting bagi memastikan prinsip perkadaran, kedaulatan undang-undang dan perlindungan hak kebebasan bersuara terus terpelihara dalam sistem demokrasi berperlembagaan. Secara keseluruhannya, cabaran utama AKDT 2025 bukan terletak pada objektif untuk melindungi keselamatan dalam talian, tetapi pada reka bentuk perundangan yang berpotensi membenarkan sekatan terhadap kebebasan bersuara dikenakan secara tidak berkadar.

Rujukan

- ARTICLE 19. (2021). "Taming Big Tech: Protecting freedom of expression through the unbundling of services, open markets, competition, and users' empowerment". https://www.article19.org/wp-content/uploads/2021/12/Taming-big-tech_FINAL_8-Dec-1.pdf
- ARTICLE 19. (2024a, Disember 10). "Malaysia: CMA amendments are a step backwards for freedom of expression". <https://www.article19.org/resources/malaysia-the-passing-of-the-cma-amendments-is-another-step-backwards-for-freedom-of-expression-joint-statement/>
- ARTICLE 19. (2024b, Disember 11). "Malaysia: Concerns with the Online Safety Bill 2024". <https://www.article19.org/resources/malaysia-online-safety-bill/>
- Barcentewicz, M., & Lesh, M. (2022). "In harm's way: Why online safety regulation needs an independent reviewer". https://iea.org.uk/wp-content/uploads/2022/01/IEA-Regulatory-Affairs-In-Harms-Way_web.pdf
- Butler, U. (2022). "Combatting online Islamophobia and racism in Australia: The case for an eSafety duty of care". <https://apo.org.au/sites/default/files/resource-files/2022-10/apo-nid319985.pdf>
- Centre for Independent Journalism Malaysia. (2022). "Report on the state of freedom of expression (FOE) in Malaysia 2022". https://cijmalaysia.net/wp-content/uploads/2022/12/FOE-REPORT-2022_10Dec2022.pdf
- CIVICUS Monitor. (2023, Ogos 10). "Malaysia: Blocking of websites, use of sedition law and harassment of protesters undermines fundamental freedom". <https://monitor.civicus.org/explore/malaysia-blocking-of-websites-use-of-sedition-law-and-harassment-of-protesters-undermines-fundamental-freedoms/>
- Cleveland, S. H. (2009). *Freedom of religion and non-discrimination* (Columbia Public Law Research Paper No. 09-199). Columbia Law School.
- Daud, M., & Abd. Jalil, J. (2017). Protecting children against exposure to content risks online in Malaysia: Lessons from Australia. *Malaysian Journal of Communication*, 33(1), 115–126. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2017-3301-08>
- Dewan Negara. (2024, Disember 16). *Penyata rasmi Perbahasan Rang Undang-Undang Keselamatan Dalam Talian 2024* (p. 32). Parlimen Malaysia.
- Dewan Rakyat. (1998, Julai 21). *Penyata rasmi Parlimen Dewan Rakyat*. Parlimen Malaysia.
- Dewan Rakyat. (2024a, Mac 12). "Penyata rasmi Dewan Rakyat: Penggal ketiga, Parlimen kelima belas". <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DR-12032024.pdf>
- Dewan Rakyat. (2024b, Disember 11). "Rang undang-undang Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2024, Bacaan kali kedua". <https://www.parlimen.gov.my/files/hindex/pdf/DN-11122024.pdf>
- European Court of Human Rights. (2026). "Guide on Article 10 of the European Convention on Human Rights: Freedom of expression". https://ks.echr.coe.int/documents/d/echr-ks/guide_art_10_eng-pdf
- Freedom House. (2023). "Malaysia: Freedom in the world 2023 country report". <https://freedomhouse.org/country/malaysia/freedom-world/2023>
- Harbinja, E., & Leiser, M. (2022). (Redacted): This article categorised (harmful) by the government. *SCRIPTed*, 19(1), 88–119. <https://doi.org/10.2966/scrip.190122.88>
- Hector, C., & Malaysians Against Death Penalty and Torture (MADPET). (2018, Julai 15). "Why are the Sedition Act and CMA being used against Fadiah?". *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/letters/434323>
- International Federation of Journalists. (2023, Ogos 9). "Malaysia: Government authority blocks news outlets ahead of state elections". <https://www.ifj.org/media-centre/news/detail/article/malaysia-government-authority-blocks-news-outlets-ahead-of-state-elections>
- Kementerian Komunikasi. (2024, Disember 12). "Akta Keselamatan Dalam Talian 2024 tingkat keselamatan buat seluruh rakyat Malaysia – Fahmi". <https://www.komunikasi.gov.my/awam/berita/26743-akta-keselamatan-dalam-talian-2024-tingkat-keselamatan-buat-seluruh-rakyat-malaysia-fahmi>
- MalaysiaNow. (2023, Julai 25). "Another site critical of govt blocked". <https://www.malaysianow.com/news/2023/07/25/another-site-critical-of-govt-blocked>
- Mazzoli, M. E., & Tambini, D. (2020). "Prioritisation uncovered: The discoverability of public interest content online (DGI(2020)19)". Council of Europe. <https://rm.coe.int/publication-content-prioritisation-report/1680a07a57>

- Mendel, T. (2013). *Freedom of expression: A guide to the interpretation of Article 10 of the European Convention on Human Rights*. Council of Europe.
- Office of the eSafety Commissioner. (2022). "Annual report 2021–22. Office of the eSafety Commissioner". <https://www.esafety.gov.au/sites/default/files/2022-10/ACMA%20and%20eSafety%20annual%20report%202021-22.pdf>
- Office of the eSafety Commissioner. (n.d.). "Legislation and governance". <https://www.esafety.gov.au/about-us/legislation-and-governance>
- Parliament of Canada. (t.th.). "Bill C-63: An Act to enact the Online Harms Act (44th Parliament, 1st Session)". <https://www.parl.ca/legisinfo/en/bill/44-1/c-63>
- Reporters Without Borders. (2023, Julai 1). "Malaysia: RSF denounces arbitrary suspension of news websites critical of government". <https://rsf.org/en/malaysia-rsf-denounces-arbitrary-suspension-news-websites-critical-government>
- Reuters. (2015, Julai 20). "Malaysia blocks website critical of PM and state fund". <https://www.reuters.com/article/world/malaysia-blocks-website-critical-of-pm-and-state-fund-idUSKCN0PU0JX>
- Shchukina, T. (2023). Online safety legislation in Canada: Comparative review. *Canadian Journal of Internet Law*, 8(2), 89–102.
- Suara Rakyat Malaysia. (2020). "Malaysia human rights report 2019". https://www.suaram.net/files/ugd/359d16_c381df62788a47c3b2d7456b8f1eb0b0.pdf
- Suara Rakyat Malaysia. (2024). "Human rights report 2023: Malaysia". <https://www.suaram.net/suaramhrr2023>
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2024). "Menerajui masa depan menjangkau sempadan kesalinghubungan: Laporan tahunan 2023". <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf2/MCMC-Annual-Report-2023.pdf>
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (n.d.). "Sejarah". <https://www.mcmc.gov.my/en/about-us/history>
- Trengove, M., Kazim, E., Almeida, D., Hilliard, A., Zannone, S., & Lomas, E. (2022). A critical review of the Online Safety Bill. *Patterns*, 3(8), 100544. <https://doi.org/10.1016/j.patter.2022.100544>
- Tuan Ibrahim, T. M. F. H., Nor Muhamad, N. H., Alias, M. A. A., & Baharuddin, A. S. (2026). The role of digital forensics as qarinah muasirah in proving cyber offences under Malaysian Islamic evidence law. *Al-Istinbath: Jurnal Hukum Islam*, 11(1), 19–39. <https://doi.org/10.29240/jhi.v11i1.14738>
- United Nations General Assembly. (1966, Disember 16). "International Covenant on Civil and Political Rights (ICCPR) (General Assembly Resolution 2200A (XXI))". <https://www.ohchr.org/en/instruments-mechanisms/instruments/international-covenant-civil-and-political-rights>
- United Nations Human Rights Committee. (2011, September 12). "General comment No. 34: Article 19: Freedoms of opinion and expression (CCPR/C/GC/34)". <https://www2.ohchr.org/english/bodies/hrc/docs/gc34.pdf>
- United Nations Human Rights Council. (2015, Mei 22). "Report of the Special Rapporteur on the promotion and protection of the right to freedom of opinion and expression, David Kaye (A/HRC/29/32)". <https://www.ohchr.org/en/documents/thematic-reports/ahrc2932-report-encryption-anonymity-and-human-rights-framework>
- Zeng, Z. (2023). Social media censorship: Overprotected platforms and legal liability. *Media and Communication Research*, 4(7), 74–79. <https://doi.org/10.23977/mediacr.2023.040710>